

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



# POLISI ANTIRASUAH

## LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



# **PERUTUSAN KETUA PENGARAH**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi dengan limpah kurnia serta izinNya, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah berjaya membangunkan Polisi Antirasuah sebagai sumber rujukan mengenai jenayah rasuah serta mekanisme pelaporan dan usaha pencegahan.

Selaras dengan perkembangan industri sawit yang semakin dinamik dan usaha untuk mencapai objektif tertinggi organisasi, MPOB sangat komited untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakelola serta tadbir urus dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, telus dan beretika. MPOB sama sekali tidak akan bertolak ansur terhadap apa juu bentuk salah laku rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi ini juga dibangunkan selaras dengan keperluan ke arah pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) di semua agensi Kerajaan.

Oleh yang demikian, saya berharap semua warga MPOB dapat memahami dan menjadikan polisi ini sebagai panduan utama dalam penyampaian sistem perkhidmatan di MPOB dan bersama kita membendung jenayah rasuah.

Sekian, Salam Hormat.

**“RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA”**

**KETUA PENGARAH  
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA**



# ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Pendahuluan	1
2	Tujuan	1
3	Tafsiran	1
4	Pernyataan Polisi Antirasuah	5
5	Kesalahan Rasuah	7
6	Percanggahan Kepentingan oleh Warga MPOB	10
7	Percanggahan Kepentingan oleh Anggota Lembaga	10
8	Memberi dan Menerima Hadiah	11
9	Memberi dan Menerima Keraian	11
10	Sumbangan Kebajikan	11
11	Sumbangan Politik	12
12	Peranan dan Tanggungjawab	12
13	Perlindungan Pemberi Maklumat	13
14	Tarikh Kuat Kuasa	13
15	Pemakaian	13
16	Pertanyaan	14
17	Penutup	14



# POLISI ANTIRASUAH LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

## 1. PENDAHULUAN

Polisi Antirasuah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dibangunkan sebagai salah satu usaha pencegahan untuk memerangi salah laku rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di MPOB. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha MPOB dalam menangani kelemahan tadbir urus, tatakelola dan pelanggaran integriti dalam kalangan warga MPOB. Ia juga dibangunkan selaras dengan perkembangan industri sawit negara yang turut membuka ruang dan peluang ke arah berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.

## 2. TUJUAN

Polisi Antirasuah merupakan komitmen MPOB dalam memerangi salah laku rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan menjadi sumber rujukan kepada Ahli Lembaga dan warga MPOB berhubung mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah ke arah penyampaian sistem perkhidmatan yang cekap, telus dan berintegriti.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta undang-undang lain yang berkaitan.

## 3. TAFSIRAN

Dalam Polisi Antirasuah ini, melainkan konteks menghendaki makna yang lain:

- 3.1 **"Anggota"** seperti mana dirujuk kepada tafsiran Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582] ertiinya anggota Lembaga dan termasuklah anggota silih ganti;.
- 3.2 **"Lembaga"** termasuklah Ketua Pengarah, mana-mana jawatankuasa yang diwakili atau pegawai Lembaga yang diwakilkan untuk menjalankan tugas bagi pihak dan di atas nama Lembaga.
- 3.3 **"Pegawai Lembaga"** ertiinya pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik di bawah seksyen 21 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582].
- 3.4 **"Warga MPOB"** adalah seperti mana dirujuk sebagai "pegawai" dalam tafsiran Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) ertiinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolumen oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi

Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan; dan termasuk mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 21 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582] seperitima di para 3.3 di atas.

- 3.5 **"Agenzi Penguatkuasa"** ertinya mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.
- 3.6 **"Alang"** seperti mana dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat ertinya hadiah, pemberian.
- 3.7 **"Ejen"** seperti mana dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bertindak bagi seorang lain, dan termasuklah pegawai badan awam atau yang berkhidmat dalam atau di bawah mana-mana badan awam, pemegang amanah, pentadbir atau wasi pusaka seseorang yang sudah mati, subkontraktor, dan mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau, yang bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir atau wasi, atau subkontraktor itu.
- 3.8 **"Keradian"** seperti mana dirujuk kepada tafsiran Polisi Tidak Menerima Hadiah MPOB ertinya mengadakan jamuan atau keramaian.
- 3.9 **"Matan"** seperti mana dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat ertinya naskhah asli.
- 3.10 **"Pihak yang berkepentingan"** ertinya pembekal, kontraktor, perunding atau mana-mana pihak secara individu, syarikat perniagaan, entiti, organisasi, institusi atau ejen yang terlibat di bawah mana-mana perjanjian/kontrak dengan MPOB atau terlibat dengan MPOB dalam sebarang aktiviti yang berkaitan atau yang menjalankan urusan perniagaan, bekalan, perkhidmatan atau kerja sama ada berorientasikan keuntungan ataupun tidak.
- 3.11 **"Prinsipal"** seperti dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], termasuklah mana-mana majikan, mana-mana beneficiari di bawah sesuatu amanah, mana-mana estet amanah, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam pusaka seseorang yang sudah mati, pusaka seseorang yang sudah mati, dan, dalam hal mana-mana orang yang berkhidmat dalam atau di bawah sesuatu badan awam, badan awam itu.
- 3.12 **"Rasuah"** dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau bersetuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

3.13 **"Saudara"** seperti dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], berhubungan dengan seseorang, ertiya:

- a) isteri atau suami orang itu;
- b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- h) menantu orang itu.

3.14 **"Sekutu"** seperti dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] berhubungan dengan seseorang, ertiya:

- a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi bekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian \*Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika:
  - i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
  - ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada 20% daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

- 3.15 **"Siasatan"** seperti dirujuk kepada tafsiran Prosedur Pengurusan Siasatan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ertinya aktiviti pengesahanan dan pengesahan sesuatu aduan atau laporan berkaitan kesalahan jenayah, penyelewengan, salah guna kuasa, salah tadbir, pelanggaran tata tertib, Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB atau pelanggaran terhadap peraturan-peraturan atau prosedur kerja yang berkuat kuasa melalui pengumpulan bukti-buktii bagi mengenal pasti kesahihan perkara yang diadukan.
- 3.16 **"Suapan"** seperti dirujuk kepada tafsiran '**suapan**' di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] ertinya:
- wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
  - apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
  - apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
  - apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
  - apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
  - apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tata tertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
  - apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).
- 3.17 **"Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 (SPAR/ ABMS)"** adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, menguatkuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan.
- 3.18 Singkatan yang diguna pakai dalam Polisi ini bermaksud:

**MPOB** Lembaga Minyak Sawit Malaysia

**SPRM** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

**PDRM** Polis Diraja Malaysia

## PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

### 4. PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

Selaras dengan perkembangan industri sawit yang dinamik serta sebagai usaha untuk mencapai objektif tertinggi organisasi, MPOB sangat komited untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan (*Delivery System*) dan tatakelola serta tadbir urusnya dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, telus dan beretika serta sifar rasuah. Ia juga adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah MPOB “Pelan Antirasuah Lembaga Minyak Sawit (PALM) 2022-2026”.

Polisi Antirasuah MPOB ini diwujudkan sebagai komitmen MPOB untuk memerangi rasuah, serta sumber rujukan kepada anggota Lembaga dan warga MPOB berhubung mekanisme pelaporan dan pencegahan antirasuah ke arah penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan bebas rasuah. Bagi merealisasikan hasrat ini, setiap anggota Lembaga, warga MPOB dan semua pihak yang berkepentingan perlu memberikan sepenuh komitmennya supaya nilai-nilai integriti, kejujuran dan profesionalisme berada pada tahap yang tertinggi pada setiap masa.

Bagi merealisasikan komitmen ini, MPOB komited untuk memastikan warganya:

- a) tidak meminta, tidak menawar, menolak, membenci rasuah dan melaporkan rasuah;
- b) mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] serta undang-undang lain yang berkaitan berhubung perlakuan rasuah;
- c) memastikan semua anggota Lembaga dan warga MPOB termasuk semua pihak yang berkepentingan dengan MPOB mematuhi Polisi Antirasuah MPOB serta peraturan-peraturan, polisi atau prosedur lain yang berkuat kuasa berkaitan dengan pelaksanaan antirasuah di MPOB sebagai usaha ke arah penambahbaikan berterusan;
- d) menyediakan saluran aduan dan kerahsiaan maklumat di bawah Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat MPOB selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 71];
- e) memantapkan tadbir urus terbaik dan tata kelola bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan melakukan penambahbaikan yang berterusan terhadap penilaian risiko rasuah dan pengurusan antirasuah yang dilaksanakan di MPOB;

- f) membentuk persekitaran kerja yang telus, berintegriti dan bebas rasuah menerusi pelaksanaan program-program pengukuhan dan pembudayaan integriti secara berterusan, merangkumi hebahan dan pemahaman terhadap pelaksanaan SPAR MS ISO 37001:2016 MPOB, Peraturan-Peraturan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB, serta sesi kerjasama melibatkan agensi penguatkuasaan seperti SPRM, PDRM dan lain-lain agensi; dan
- g) Kegagalan mematuhi atau melanggar Polisi ini, boleh dikenakan tindakan tatatertib, atau mana-mana peraturan atau tindakan yang ditetapkan MPOB.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Lembaga dan warga MPOB untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini.

## 5. KESALAHAN RASUAH

5.1 Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] adalah seperti berikut:

### 5.1.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, [Akta 694]

Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain:

- a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang, sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab:

- a) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa- apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau
- b) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang tengannya badan awam itu terlibat, melakukan sesuatu kesalahan.

### 5.1.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, [Akta 694]

Seseorang melakukan kesalahan jika:

- a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetujui terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentang kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau
- b) dia secara rasuah memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa- apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentang kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

**5.1.3 Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen di bawah Seksyen 18 [Akta 694]**

Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengannya prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

**5.1.4 Penyogokan pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, [Akta 694]**

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya:

- a) pegawai itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu;
- b) pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, menpercepatkan, melambatkan, merintangi, atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;
- c) pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau
- d) pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai demikian, melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

**5.1.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23 [Akta 694]**

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekufunya, melakukan suatu kesalahan.

**5.2 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]**

**5.2.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 21 dan 23 [Akta 694], apabila disabitkan boleh:**

- a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- b) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**5.2.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 18, [Akta 694], apabila disabitkan boleh:**

- a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- b) didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut manamana yang lebih tinggi.

**5.3 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]**

**5.3.1 Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM atau pegawai PDRM yang paling hampir.**

**5.3.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:**

- a) didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
- b) dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

**5.3.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah sewal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh suapan daripadanya itu kepada pegawai SPRM atau PDRM yang paling hampir.**

**5.3.4 Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:**

- a) didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- b) dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**5.4 Kesalahan menerima barang berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Kesekeaan [Akta 574]**

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barang berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

**5.5 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Kesekeaan [Akta 574]**

Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

## **6. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH WARGA MPOB**

Warga MPOB hendaklah menzahirkan sebarang percanggahan kepentingan yang wujud dengan MPOB. Warga MPOB tidak dibenarkan melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa jua perkara yang mungkin menimbulkan syak yang munasabah menyebabkan kepentingan persendirian bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi di MPOB. Ini termasuklah pemilikan kepentingan dalam mana-mana organisasi di bawah seliaan MPOB atau ejen dilantik, pembekal kepada MPOB serta yang dimiliki oleh saudara atau merupakan majikan kepada anggota saudaranya. Percanggahan kepentingan oleh warga MPOB hendaklah diisyiharkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah MPOB dengan menggunakan Borang Pengisyiharan Kepentingan sebagaimana dinyatakan dalam Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan MPOB.

## **7. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA LEMBAGA**

Anggota Lembaga hendaklah menzahirkan sebarang percanggahan kepentingan yang wujud dengan MPOB. Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB menetapkan bahawa anggota Lembaga hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada anggota Lembaga selaku badan pentadbir di MPOB. Anggota Lembaga hendaklah mengisyiharkan percanggahan kepentingan secara bertulis kepada Pengerusi MPOB dengan menggunakan Borang Pengisyiharan Kepentingan, Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan MPOB, sekiranya dalam menjalankan tugas-tugas rasmi mereka berhadapan dengan kepentingan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan awam. Anggota Lembaga hendaklah pada setiap masa mematuhi semua peraturan berkaitan percanggahan kepentingan sebagaimana menurut Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB dan Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan MPOB.

## 8. MEMBERI DAN MENERIMA HADIAH

Warga MPOB adalah dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah atau membenarkan saudaranya atau mana-mana orang lain menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan tugas rasmiya dan/atau bentuk jumlah atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah. Warga MPOB hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah MPOB sebelum menerima sebarang pemberian hadiah dan hendaklah mematuhi semua peraturan berkaitan penerimaan dan pemberian hadiah yang sedang berkuat kuasa sebagaimana Polisi Tidak menerima Hadiah MPOB.

Anggota Lembaga hendaklah mengelak daripada menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi seperti meminta dan menerima apa-apa hadiah, upahan atau kemudahan yang boleh menjelaskan integriti mereka. Anggota Lembaga hendaklah melaporkan kepada Pengurus MPOB setiap kali penerimaan hadiah, keraian atau upah yang diterima. Panduan penerimaan hadiah, keraian dan upah bagi anggota Lembaga hendaklah merujuk kepada Kod Etika Bagi Anggota MPOB.

## 9. MEMBERI DAN MENERIMA KERAIAN

Warga MPOB dilarang memberi atau menerima apa-apa jenis keraian daripada atau kepada mana-mana orang kecuali:

- 9.1 keraian itu tidak dalam apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas sebagai warga MPOB untuk kepentingan individu itu; dan
- 9.2 keraian itu tidak dalam apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan peraturan-peraturan di bawah Peraturan-peraturan Tata tertib, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] atau Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB.

Anggota Lembaga hendaklah mengelak daripada menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi. Anggota Lembaga hendaklah melaporkan kepada Pengurus MPOB setiap kali penerimaan keraian yang diterima. Panduan penerimaan hadiah, keraian dan upah bagi anggota Lembaga hendaklah merujuk kepada Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB.

## 10. SUMBANGAN KEBAJIKAN

Kelab Kebajikan dan Sukan adalah dilarang daripada menghubungi mana-mana syarikat-syarikat swasta atau orang awam secara langsung untuk mendapatkan bantuan kewangan dengan apa cara sekalipun bagi membentuk aktiviti-aktiviti Kelab Kebajikan dan Sukan.

Walau bagaimanapun, apa-apa sumbangan kepada Kelab Kebajikan dan Sukan hendaklah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) terlebih dahulu.

Adalah ditegaskan bahawa apa-apa sumbangan yang diperoleh hendaklah tidak mempunyai sebarang unsur-unsur paksaan, tidak menimbulkan syak, keraguan dan beban kepada mana-mana pihak agar ia tidak mencemarkan nama baik MPOB serta tidak mempengaruhi apa-apa keputusan yang dibuat oleh MPOB secara keseluruhan. Di samping itu, jumlah dan kekerapan sumbangan tersebut perlu diambil kira. Sumbangan yang diperoleh itu juga hendaklah digunakan untuk tujuan aktiviti-aktiviti kelab berkenaan dan hendaklah mempunyai penyata kira-kira yang boleh dirujuk.

## 11. SUMBANGAN POLITIK

MPOB tidak dibenarkan sama sekali menawarkan atau menerima sumbangan politik berbentuk wang atau sebarang bentuk sumbangan yang lain kepada, atau daripada parti politik, pegawai parti politik atau calon politik.

## 12. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Ke arah menjadikan MPOB sebuah organisasi terulung, berintegriti dan bebas rasuah, adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Lembaga dan warga MPOB untuk melaksanakan tindakan seperti berikut:

- a) **TIDAK MINTA**: anggota Lembaga dan warga MPOB dilarang meminta apa-apa bentuk suapan;
- b) **TIDAK TAWAR**: anggota Lembaga dan warga MPOB dilarang untuk menawarkan apa-apa bentuk suapan;
- c) **TOLAK**: anggota Lembaga dan warga MPOB hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian suapan;
- d) **BENCI RASUAH**: anggota Lembaga dan warga MPOB hendaklah membenci rasuah; dan
- e) **LAPOR**: anggota Lembaga dan warga MPOB hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada:

### Ketua Unit Integriti

Lembaga Minyak Sawit Malaysia,  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor

Hadir bersemuka untuk membuat aduan;

- i) Talian telefon: 03-8769 4776 / 4779 / 4848 / 3991 / 4390 / 3941; dan/atau
- ii) Saluran Perlindungan Pemberi Maklumat MPOB:  
[unit.integriti@mpob.gov.my](mailto:unit.integriti@mpob.gov.my) dan/atau;

Melaporkan kesalahan rasuah di mana-mana Pejabat SPRM atau Portal Aduan SPRM atau saluran pengaduan SPRM yang lain, atau pengaduan kepada PDRM. Anggota Lembaga atau warga MPOB boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan maklumat asas berikut:

- a) Siapakah yang terlibat? (Who)
- b) Bilakah kejadian berlaku? (When)
- c) Di manakah kejadian berlaku? (Where)
- d) Apakah kesalahan yang berlaku? (What)
- e) Kenapakah kesalahan berlaku? (Why)
- f) Bagaimanakah kesalahan berlaku? (How)
- g) Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

### **13. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

Kerahsiaan maklumat dan pemberi maklumat adalah dilindungi di bawah Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat MPOB. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi dan laporan tidak didedahkan kepada mana-mana pihak, kecuali kepada agensi penguat kuasa seperti SPRM atau PDRM dan/atau untuk tujuan siasatan dalaman yang dijalankan.

### **14. TARIKH KUAT KUASA**

Polisi ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

### **15. PEMAKAIAN**

Polisi Antirasuah MPOB ini terpakai di MPOB dan menjadi panduan kepada anggota Lembaga dan warga MPOB. Polisi ini juga hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582), Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB, Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB serta mana-mana polisi, peraturan atau prosedur di MPOB yang berkuat kuasa berhubung dengan polisi ini.

## 16. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Polisi ini hendaklah dikemukakan kepada:

**Unit Integriti**  
**Lembaga Minyak Sawit Malaysia,**  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor

Talian telefon: 03-8769 4776 / 4779 / 4848 / 3991 / 4390 / 3941

## 17. PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Antirasuah ini dapat merealisasikan hasrat untuk menjadikan MPOB sebuah organisasi terulung dalam membangun dan memajukan industri sawit dan berintegriti. Polisi ini akan dijadikan sebagai sumber rujukan dalam usaha berterusan MPOB untuk melaksanakan penambahbaikan bagi menutup segala bentuk ruang dan peluang perlakuan rasuah.









Penerbit MPOB  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia  
Tel: +603-8769 4400 | Faks: +603-8925 9446  
E-mel: [pub@mpob.gov.my](mailto:pub@mpob.gov.my)



[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



Malaysian Palm Oil Board



[mpob\\_ig](#)



[MPOB\\_tweets](#)